



KENYATAAN SEBUTHARGA PERBADANAN KETUA MENTERI MELAKA (CMI)
26 NOVEMBER 2021

SEBUT HARGA PERKHIDMATAN EJEN PENGURUSAN DI BANGUNAN RUMAH KEDAI/PEJABAT EMPAT (4) TINGKAT PULAU MELAKA MILIK PERBADANAN KETUA MENTERI MELAKA

1. KENYATAAN AM / TAWARAN

- 1.1 Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Lembaga Penilai, Pentaksir & Ejen Harta Tanah Malaysia (LPPEH) dan masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini untuk Sebut Harga berikut:-

Tajuk	Syarat Pendaftaran	Harga Dokumen Sebut Harga	Tarikh dan Tempat Dokumen Di jual	Tarikh, Masa dan Tempat Sebut Harga Di Tutup
PERKHIDMATAN EJEN PENGURUSAN DI BANGUNAN RUMAH KEDAI/PEJABAT EMPAT (4) TINGKAT PULAU MELAKA MILIK PERBADANAN KETUA MENTERI MELAKA	Masih Sah laku berdaftar dengan : 1.Lembaga Penilai, Pentaksir & Ejen Harta Tanah Malaysia (LPPEH) 2.Suruhanjaya Syarikat Malaysia	RM 30.00	Kaunter Perbadanan Ketua Menteri Melaka Aras Bawah, Menara MITC, Jalan Konvensyen, Kompleks MITC, Hang Tuah Jaya, 75450 Ayer Keroh, Melaka Mulai 1 Disember 2021 hingga 9 Disember 2021 pada waktu pejabat	9 Disember 2021 (Khamis) Sebelum 12.00 tengah hari Perbadanan Ketua Menteri Melaka Aras Bawah, Menara MITC, Jalan Konvensyen, Kompleks MITC, Hang Tuah Jaya, 75450 Ayer Keroh, Melaka Sebut harga yang lewat diterima tidak akan dilayan
Taklimat berkaitan sebut harga akan diadakan pada 1 Disember 2021 (Rabu), jam 10.00 pagi bertempat di hadapan Bangunan KAJ, Pulau Melaka.				

- 1.2 Dokumen Sebut Harga hendaklah dibuat serahan tangan ke **Pejabat Perbadanan Ketua Menteri Melaka (CMI), Aras Bawah Menara MITC, Jalan Konvensyen, 75450, Ayer Keroh Melaka.**
- 1.3 Sebut Harga yang lewat dihantar tidak akan diterima / dilayan. CMI tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kelewatian yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada Sebut Harga yang dihantar.
- 1.4 Semua keterangan mengenai Sebut Harga ini atau butir-butir lengkap mengenai syarat-syarat dan penentuan bekalan/perkhidmatan perlu dikemukakan bersama-sama dokumen ini.
- 1.5 **Tawaran akan ditolak sekiranya gagal memenuhi mana-mana syarat dalam dokumen Sebut Harga.**
- 1.6 Asas-asas penilaian terhadap tawaran sebut harga termasuklah perkara-perkara berikut :-
 - a) Memenuhi kesemua syarat dan skop kerja / spesifikasi yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga;
 - b) Keupayaan / kemampuan penyebut harga seperti pengalaman kerja yang lepas, prestasi kerja / kontrak semasa, projek yang sedang dilaksanakan / dalam tangan;
 - c) Kemampuan kewangan penyebut harga;
- 1.7 Pihak CMI berhak menamatkan perkhidmatan/bekalan yang diberikan oleh syarikat pada bila-bila masa sekiranya :-
 - a) Tidak mematuhi skop kerja;
 - b) Tidak memenuhi kriteria yang telah dipersetujui;
 - c) Tidak mengikuti spesifikasi yang ditetapkan.
- 1.8 Semua pertanyaan atau penjelasan boleh berhubung dengan
Puan Nur Suhaida Binti Khirull Anuar @ 06-2346618

**Perbadanan Ketua Menteri Melaka (CMI),
Aras Bawah Menara MITC,
Jalan Konvensyen,
75450, Ayer Keroh
Melaka.**